

24/12/1998

Harimau mengganas di dua negeri

KISAH harimau sudah menjadi legenda manusia sejak zaman berzaman dan hidupan liar itu tidak terkecuali mencatatkan peristiwa tersendiri tahun ini apabila beberapa kes serangan terhadap manusia dan ternakan dilaporkan termasuk di Terengganu dan Perak.

Pada 20 Jun 1998, seorang Ielaki Orang Asli yang sedang mencari buluh ditemui mati dalam keadaan mengerikan dengan separuh badannya dibaham harimau di Kampung Jong, Perlop 4, Sungai Siput, Perak.

Mangsa dikenali sebagai Jais Long, 39, adalah mangsa kedua dibaham harimau dalam tempoh empat hari selepas seorang peneroka dari Perlop 3 turut dibaham harimau ketika mengait buah kelapa sawit di ladangnya, pada 17 Jun.

Sementara itu, satu lagi catatan sejarah negara berlaku 27 Julai 1998 Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar.

KLIA berharga RM10 bilion itu adalah lapangan terbang terbesar kedua di dunia dari segi saiz selepas Lapangan Terbang Antarabangsa Denver, Amerika Syarikat.

KLIA adalah yang terancang di rantau Asia kerana menerapkan ciri-ciri reka bentuk dan kelengkapan ultra-modern. Operasinya juga menandakan bermulanya era baru dalam penyediaan sistem penerbangan negara.

Beralih ke luar negara, Julai mencatatkan peristiwa hitam dalam sejarah rakyat Sudan di Afrika. Pada 26 Julai, dunia dipaparkan dengan gambar mengenai penderitaan puluhan ribu kanak-kanak dan orang tua yang kebuluran di wilayah selatan Sudan.

Perang saudara, kemarau dan wabak penyakit di kebanyakan negara di Afrika adalah antara yang menyebabkan kematian berpuluh ribu penduduk di benua itu setiap tahun.

Di persada sukan negara pula, dua pemain bowling negara, Shalin Zulkifli dan Kenny Ang menerima Anugerah Pemain Bowling Terbaik Asia 1996-1998 pada 27 Julai 1998. Keupayaan kedua-dua jaguh itu dalam menaikkan imej negara di arena antarabangsa tidak diragui lagi.

Pada perkembangan lain, kegawatan ekonomi tidak menjejaskan perkembangan industri automobil negara. Pada 24 Ogos 1998, Kembara - kenderaan pacuan empat roda (4WD) nasional pertama dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Kenderaan itu keluaran Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua) yang sebelum ini turut mengeluarkan kereta Kancil dan van Rusa.

(END)